

**NOTA PERCAKAPAN
YB MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**SESI PENYERAHAN LESEN SYARIKAT YANG DILANTIK
MENJALANKAN PERKHIDMATAN PENENTUSAHAN
TIMBANG ATAU SUKAT ATAU ALAT TIMBANG ATAU
SUKAT**

**5 MEI 2020
PERKARANGAN BILIK MESYUARAT BUNGA RAYA
ARAS 10, MENARA, PRESINT 2
KPDNHEP PUTRAJAYA**

Selamat Tengahari diucapkan kepada

- 1. DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,
dan Hal Ehwal Pengguna
- 2. DR. ALAUDDIN BIN SIDAL**
Timbalan Ketua Setiausaha
Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri
- 3. DATO' ISKANDAR HALIM BIN HJ. SULAIMAN**
Pengarah
Bahagian Penguat Kuasa
- 4. DATUK TAY LEE LY**
Penasihat
Bahagian Undang-Undang
- 5. PUAN NOOR RASHIDAH BINTI ABDUL RASHID**
Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan
- 6. TUAN SHAMSHUZAMAN BIN HAJI SULAIMAN**
Pengarah
Sektor Perdagangan Penedaran dan Perniagaan
- 7. TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAMZAH**
Pengerusi Eksekutif
Metrology Corporation Malaysia Sdn. Bhd.
- 8. PUAN SUHAILA BINTI ABDUL KADIR**
Pengarah
De Metrology Sdn. Bhd.

dan seterusnya kepada pegawai-pegawai kementerian yang hadir dalam Majlis Penyerahan Lesen Syarikat yang dilantik menjalankan Perkhidmatan Penentusahan Timbang atau Sukat atau Alat Timbang atau Sukat di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melalui Bahagian Penguat kuasa telah mengawalselia Akta Timbang dan Sukat 1972 [Akta 71] sejak 1 Januari 1981. Penguat kuasa Akta 71 dijalankan oleh Inspektor Timbang dan Sukat untuk memastikan timbang dan sukat dan alat timbang dan sukat yang digunakan untuk tujuan perdagangan ditentukan.

3. Manakala Peraturan-Peraturan Timbang dan Sukat 1981 pula bertujuan untuk mengawal selia pemegang Lesen Timbang dan Sukat yang menjalankan perkhidmatan baikpulih alat timbang dan sukat milik peniaga serta fi penentusahan Timbang atau Sukat atau Alat Timbang atau Sukat.

4. Walau bagaimanapun, pada 1 April 2005, KPDNHEP telah melantik dan melesenkan sebuah syarikat swasta untuk menjalankan fungsi Inspektor Timbang dan Sukat untuk menentusahkan timbang atau sukat atau alat timbang dan sukat yang digunakan bagi tujuan perdagangan. Tempoh sah lesen telah berkuatkuasa selama 15 tahun bermula 4 April 2005 sehingga 4 April 2020.

5. Tujuan perkhidmatan penentusahan Timbang atau Sukat atau Alat Timbang atau Sukat dijalankan oleh syarikat swasta untuk memperkasakan penguatkuasaan perundangan menerusi pengasingan kuasa di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972. Sehubungan itu, penguatkuasaan Akta 71 dijalankan oleh Inspektor Timbang dan Sukat manakala perkhidmatan penentusahan dijalankan oleh syarikat yang dilesenkan Kerajaan. Selain daripada itu, kelulusan bentuk dan spesifikasi alat timbang dan sukat dilaksanakan oleh

Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan (SIRIM). Kaedah pelaksanaan pengasingan kuasa dan fungsi telah menyebabkan Malaysia mendapat pengiktirafan daripada ***International Organization of Legal Metrology (OIML)*** dan dianugerahkan ***OIML Award for Excellent Achievement in Legal Metrology*** pada tahun 2018 di Hamburg, Germany.

6. Selain itu, pelantikan syarikat swasta untuk menjalankan perkhidmatan penentusahan boleh meningkatkan prestasi penentusahan timbang dan sukat dan alat timbang dan sukat dari aspek jumlah alat yang ditentusahkan. Sehubungan itu, pada masa yang sama ia mampu meningkatkan hasil kutipan fi kepada Kerajaan.

7. Seterusnya, pelantikan syarikat untuk menjalankan perkhidmatan penentusahan mampu mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat di samping dapat melindungi kepentingan peniaga dan pengguna.

8. Bertitik tolak dengan berakhirnya tempoh pelantikan syarikat yang dilesenkan pada 4 April 2020, kementerian telah melaksanakan tatacara perolehan tender terbuka untuk melantik 2 buah syarikat bagi menjalankan perkhidmatan penentusahan timbang atau sukat atau alat timbang dan sukat berkuatkuasa bagi tempoh 5 tahun dari 5 April 2020 sehingga 4 April 2025.

9. Pelantikan 2 buah syarikat ini adalah wajar untuk meningkatkan persaingan yang sihat dalam menjalankan perkhidmatan penentusahan di samping memberi pilihan kepada peniaga untuk memperolehi perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti.

10. Malah, kementerian juga telah menetapkan untuk setiap syarikat menyediakan 34 premis di setiap negeri bagi memudahkan akses kemudahan perkhidmatan penentusahan alat timbang dan sukat di seluruh negara.

11. Akhir kata, kementerian berharap agar Syarikat Metrology Corporation Sdn Bhd dan Syarikat De Metrology Sdn Bhd yang dilantik untuk menjalankan perkhidmatan penentusahan timbang atau sukat atau alat timbang dan sukat dapat melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh komited bagi memastikan visi kementerian untuk membangunkan ekosistem perdagangan berasaskan etika dan kepentingan pengguna tercapai.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:

**Bahagian Penguatkuasa
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
4 Mei 2020**